

Insentif Bajet 2022 mampu rancak ekonomi, tangani pengangguran - MEF

Luqman Arif Abdul Karim

Oktober 30, 2021 @ 10:27am

KUALA LUMPUR: Pasaran kerja tahun depan diunjurkan kembali mengukuh dan merekodkan pertumbuhan positif selepas lebih setahun terjejas berikutan kesan pandemik COVID-19.

Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman, menzahirkan keyakinan itu bersandarkan inti pati Bajet 2022 yang memperuntukkan pelbagai komponen rangsangan ke arah pemulihan ekonomi Malaysia.



Katanya, belanjawan terbesar menjangkau RM332.1 dengan meliputi segenap insentif untuk merancakkan sektor ekonomi,

dilihat berupaya menangani isu peningkatan kadar pengangguran daripada 508,200 pada 2019 kepada 711,000 setakat tahun lalu.

"Kadar pengangguran dalam kalangan belia juga mencatatkan peningkatan 12 peratus atau 314,000 orang pada 2020 daripada 295,800 pada 2019. Justeru, MEF berharap pelaksanaan insiatif dalam Bajet 2022 akan dilakukan menerusi pendekatan yang telus dan jelas," katanya.

Menyatakan perkembangan ini, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, semalam mencadangkan peruntukan terbesar RM332.1 menerusi Bajet 2022, merangkumi RM233.5 bilion bagi perbelanjaan mengurus, RM75.6 bilion untuk tujuan pembangunan, RM23 bilion diletakkan bawah Kumpulan Wang COVID-19 dan RM2 bilion sebagai simpanan luar jangka.

Syed Hussain berkata, keputusan kerajaan untuk membenarkan penangguhan bayaran cukai pendapatan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi tempoh enam bulan sehingga pertengahan tahun depan akan dapat membantu merungkai isu aliran tunai.

"Begitu juga dengan peruntukan geran padanan RM100 juta untuk automasi pintar bagi 200 syarikat dalam sektor pengeluaran dan perkhidmatan yang mampu memacu transformasi mereka. Dana sebegini juga berupaya menyelaras proses kerja syarikat dan merintis kemajuan dalam rantaian perusahaan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Syed Hussain menyifatkan keputusan kerajaan supaya sekurang-kurangnya seorang wanita dilantik dalam lembaga pengarah syarikat senaraian awam sebagai langkah tepat, bersandarkan perkembangan global.

Selain itu, katanya, ia isyarat jelas ke arah menggalakkan lebih ramai wanita untuk terbabit dalam sektor ekonomi negara.

Menyentuh inisiatif berkaitan rakyat, jelasnya, peruntukan bantuan tunai sekali bayar bagi membantu isi rumah berpendapatan rendah

berupaya meringankan bebanan kewangan yang dialami golongan berkenaan, ekoran 'tempias' COVID-19.

"Pelepasan cukai sebanyak RM2,500 bagi pembelian peranti pintar dan pemberian peralatan digital untuk mahasiswa B40 juga mampu merapatkan jurang digital antara kelompok masyarakat," katanya.